

Cagamas terbit Kertas Komersial Islam RM305 juta

KUALA LUMPUR 22 Feb. – Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd, mengumumkan terbitan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulannya yang berjumlah RM305 juta.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata, ICP itu akan diterbitkan di bawah struktur Komoditi Murabahah yang mana hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pembelian pembiayaan Islam rumah dari pada sistem kewangan.

Katanya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2018 Malaysia yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan pertumbuhan kukuh 4.7 peratus meskipun persekitaran pasaran yang mencabar tahun lepas.

“Momentum belian kukuh daripada pelabur dalam pasaran bon domestik dapat dilihat seperti yang dibuktikan daripada lelongan Sekuriti Kerajaan Malaysia baru-baru ini dengan nisbah bida kepada perlindungan hampir 2.6 kali.

“Oleh itu, terdapat kesan limpahan dalam segmen bon korporat yang menyumbang



National Mortgage Corporation of Malaysia

kepada kejayaan penetapan harga syarikat bagi ICP tiga bulannya,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ujar beliau lagi, ICP itu mendapat sambutan menggalakkan daripada institusi kewangan dan telah dimuktamadkan menerusi tawaran saham persendirian.

Dengan peningkatan kadar hasil dalam pasaran tempatan ditambah dengan pengukuh-an ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), ICP itu secara kompetitif berharga setara dengan penanda aras kadar KLIBOR tiga bulan tempatan, yang ketika ini berada pada 3.69 peratus.

“Kertas-kertas ini yang akan ditebus semula pada nilai nominal penuhnya selepas kematan, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, berada di kedudukan setara dalam kalangan sendiri dan dengan semua obligasi tidak bercagar se-dia ada lain syarikat,” katanya.



Terdapat kesan limpahan dalam segmen bon korporat yang menyumbang kepada kejayaan penetapan harga syarikat bagi ICP tiga bulannya.”

CHUNG CHEE LEONG